

**MH370: Bukan Mudah Kelola SAR Berskala Besar - Najib
Bernama
30 Mac, 2014**

SEPANG, 30 Mac (Bernama) -- Hubungan baik Malaysia dengan negara lain telah menyumbang kepada bantuan antarabangsa yang dihulur dalam misi mencari pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang sejak 8 Mac, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri menegaskan bukanlah tugas mudah untuk menghimpunkan 26 negara dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) besar-besaran itu sekiranya Kuala Lumpur tidak mewujudkan hubungan rapat dengan ibu negara lain.

"Masyarakat perlu menyedari bahawa menjadi tugas yang besar untuk melibatkan begitu banyak negara dalam satu operasi besar-besaran. Perkara ini tidak akan berlaku jika Malaysia tidak mempunyai hubungan akrab dengan banyak negara," kata Najib.

Beliau ditemui media selepas menyaksikan perlumbaan Grand Prix Formula 1 Malaysia Petronas di Litar Sepang di sini hari ini.

Najib berkata Malaysia amat menghargai semua sokongan dan bantuan yang dihulur negara terbabit dalam pencarian pesawat Boeing 777-200ER yang hilang daripada paparan radar kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Pesawat itu dijadual mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama.

Operasi SAR yang ketika ini tertumpu di Lautan Hindi setakat ini belum membuahkan hasil.

Najib mengumumkan pada 24 Mac bahawa Penerbangan MH370 itu berakhir di selatan Lautan Hindi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026244>